

16 SEP 2003

UiTM-Mahathir

KOLEKSI MINDA DR MAHATHIR DIJADIKAN SUBJEK WAJIB DI UITM

KUALA PILAH, 16 Sept (Bernama) -- Koleksi Minda Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dijadikan subjek wajib kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM), kata naib canselornya Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah.

Beliau berkata subjek itu akan diterapkan dalam kokurikulum dan kurikulum di UiTM bagi membolehkan semua mahasiswanya mempelajari dan mendalami pemikiran Perdana Menteri.

"Perkara itu telah diputuskan dalam mesyuarat Senat UiTM baru-baru ini (kerana) kita mahu semua pelajar dan pensyarah di UiTM mempelajari idea Perdana Menteri yang merangkumi pelbagai bidang ilmu," katanya pada majlis penyerahan buku terjemahan Koleksi Minda Perdana Menteri di kampus UiTM cawangan Negeri Sembilan di sini hari ini.

Majlis itu dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Sosial, Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Wanita Negeri Datuk Norhayati Omar.

Ibrahim berkata, pengajaran mengenai koleksi minda Dr Mahathir itu akan diserap mulai November ini dalam kokurikulum, dan akan dimasukkan dalam kurikulum UiTM serentak dengan kemasukan pelajar baru pada Mei/Jun tahun depan.

"Kita juga berharap, pelajar UiTM akan dapat menjadi anggota masyarakat dan pemimpin masa depan yang lebih baik apabila mengikuti subjek itu," katanya.

Norhayati pula berkata Malaysia kini dikenali dan diangkat martabatnya di mata dunia kerana daya usaha Dr Mahathir.

Malah, kuasa besar Barat seperti Amerika Syarikat dan Britain mengakui kebijaksanaan Perdana Menteri dalam membangunkan Malaysia sehingga ke tahap ini dan menjadi contoh kepada kebanyakan negara Islam di dunia, katanya.

--BERNAMA

APG MAI